| | | |
|---|---|---|
| Rujukan Kami | : | SMECORP : JHR 380/2 |
| Tarikh | : | 27 Mac 2012 |

Tuan / Puan,

**Bengkel Pembungkusan & Penjenamaan dan Perniagaan Online.**

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Perbadanan Perusahaan Kecil Dan Sederhana Malaysia (SME Corp. Malaysia) akan menganjurkan **Bengkel Pembungkusan & Penjenamaan dan Perniagaan Online** seperti butiran berikut:

Tarikh : 3 & 4 April 2012 (Selasa & Rabu).
Masa : 8.30 pagi – 5.00 petang.
Tempat : Ballroom, Level 2, Grand Paragon Hotel, Johor Bahru.

3. Program ini bertujuan untuk membimbing syarikat serta menyebarkan maklumat berkenaan inovasi dan kepentingan pembungkusan dan penjenamaan. Selain daripada itu, program ini bertujuan untuk menggalakkan syarikat menggunakan aplikasi perniagaan secara on-line bagi meluaskan pasaran syarikat.

4. Sehubungan dengan itu, kerjasama tuan / puan amat dihargai untuk menghebahkan kepada syarikat perniagaan / perusahaan di bawah pertubuhan tuan / puan untuk menghadiri program ini yang dianjurkan secara **percuma**. Bersama-sama ini disertakan tentatif program beserta slip pendaftaran untuk perhatian serta tindakan lanjut pihak tuan / puan. Kerjasama pihak tuan / puan adalah dipohon untuk mengembalikan slip pendaftaran yang telah diisi melalui faks ke 07-2214836 sebelum atau pada **2 April 2012 (Isnin).** Sekiranya pihak tuan / puan mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi En. Hairul Nizam Mohd Jan (nizam@smecorp.gov.my) atau Pn. Nur Shahila Bahrom (nurshahila@smecorp.gov.my) di talian 07-2214815.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**“1MALAYSIA, RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN”**

**(MOHD IZWAN BIN ARIFIN )**
b.p Ketua Eksekutif
SME Corp. Malaysia

**SME CORPORATION MALAYSIA** *(formerly known as SMIDEC)*
Lot 06, Level 11, Menara TH, Jalan Ayer Molek, 80720 Johor Bahru, Johor Darul Takzim
**T:** +607-221 4815 **F:** +607-2214836 **E:** info@smecorp.gov.my | **Infoline:** 1-300-88-1801 | www.smecorp.gov.my